

22/10/2001

Pesuruhjaya Tinggi baru Britain guna pengalaman pererat hubungan

Azman Abdul Hamid

LONDON, Ahad - Bakal Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Bruce Cleghorn, berharap dapat menggunakan pengalaman bertugas di Kuala Lumpur untuk mempererat dan memperluaskan lagi skop kerjasama kedua-dua negara.

Beliau yang pernah memegang jawatan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Britain di Malaysia pada awal 90-an, menyifatkan hubungan Britain dan Malaysia sebagai akrab di semua peringkat khususnya politik dan perdagangan.

"Saya tidak diberitahu adanya sebarang masalah dua hala. Apa yang penting, kita dapat (bekerjasama) dalam menghadapi hal ehwal antarabangsa.

"Apa yang saya nampak jelas ialah Britain dan Malaysia mempunyai hubungan yang kuat bermula dengan kedua-dua Perdana Menteri dan saya tahu Tony Blair menghargai kerjasama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Ketika ditemui di Pejabat Kementerian Luar di sini, Cleghorn berkata, kerjasama dalam bidang pendidikan, perdagangan dan pertahanan adalah tunjang hubungan dua hala Malaysia dan Britain.

Oleh itu, katanya, cabaran utamanya ialah mengekalkan bentuk hubungan itu sambil memberi tumpuan memperluaskan kerjasama dalam sektor lain.

"Kerjasama dalam bidang pendidikan nampak nyata di mana ada institusi pengajian tinggi di Malaysia mengeluarkan sijil kelayakan pelajaran Britain membabitkan kira-kira suku juta pelajar.

"Universiti Nottingham, misalnya, mempunyai kampus cawangan di Malaysia. Saya harap ia dapat menjadi contoh untuk dituruti pihak lain," katanya.

Selain itu, meskipun perdagangan menurun kerana kemelesetan ekonomi yang dirasai di seluruh dunia, urusan niaga di antara Malaysia dan Britain masih kukuh.

"Kadar eksport Malaysia ke Britain masih tinggi," kata Cleghorn yang akan terus bertugas sebaik tiba di Malaysia pada 8 November depan.

Beliau juga memandangkan penting "Kerjasama Pertahanan Lima Negara" (FPDA) membabitkan Malaysia, Singapura, Britain, Australia dan New Zealand.

"Ia penting dari segi memastikan kestabilan serantau. Britain akan terus terbabit selagi Malaysia dan Singapura melihat faedah daripada kerjasama itu," katanya.

Ditanya mengenai kempen memerangi keganasan yang menyaksikan perbezaan pendirian Britain dan Malaysia, beliau percaya kedua-dua negara mempunyai kepentingan bersama untuk menghapuskan keganasan.

Katanya, keganasan mengancam prinsip demokrasi yang diamalkan kedua-dua negara dan ia perlu dihapuskan tidak kira di mana sambil menyifatkannya sebagai masalah bersama.

Tiada masalah melihat perkara itu yang sudah dibincangkan oleh Blair dan Dr Mahathir baru-baru ini, katanya.

Beliau juga menyifatkan pelantikannya umpama "balik kampung" kerana pernah bertugas selama tiga tahun di Malaysia sebelum ini.

(END)